

PEMERKASAAN PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI USAHAWAN ASNAF MELALUI DANA ZAKAT

Maymunah Ismail^{a*}, Sharina Shariff^b, Harniyati Hussin^c

^{a*}Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA, Melaka Branch, Alor Gajah Campus, Melaka, Malaysia. Email: maymu791@uitm.edu.my

^bFaculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA, Puncak Alam Branch, Selangor Campus, Malaysia Email: sharinashariff@uitm.edu.my

^cFaculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA, Melaka Branch, Alor Gajah Campus, Melaka, Malaysia. Email: harniyati@uitm.edu.my

*Corresponding Author

Article info

Received:
12/03/2021
Received in revised form:
27/09/2021
Accepted:
15/10/2021
Available online:
01/11/2021

Keywords:
Institusi Zakat,
Program Pembangunan
Ekonomi,
Pembasmian kemiskinan,
Usahawan Zakat, Zakat

Abstrak

Program pembangunan ekonomi dikalangan asnaf di Malaysia didokong oleh Institusi Zakat di bawah Majlis Agama Islam Negeri. Tujuan penubuhannya bukan sahaja kepada usaha pemberian sumbangan kepada asnaf yang layak, tetapi terlibat didalam menguruskan bantuan modal menggunakan dana zakat bagi tujuan perniagaan kepada asnaf atau usahawan asnaf. Bantuan modal yang diberikan ini bertujuan mengalakkan asnaf keluar dari kepompong kemiskinan serta berjaya menjadi pembayar zakat. Program pembangunan ekonomi asnaf ini giat dijalankan di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Kedah, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Negeri lain. Walaubagaimanapun terdapat juga institusi zakat Negeri yang tidak memperuntukkan agihan zakat dalam bentuk bantuan modal kepada asnaf. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk melihat dan mengenal pasti strategi dan program pembangunan ekonomi yang disediakan oleh pihak institusi zakat Negeri kepada golongan asnaf yang menceburi bidang keusahawanan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berupa kajian perpustakaan melalui sumber sekunder. Kajian ini menyimpulkan program pembangunan ekonomi usahawan asnaf dapat diperkasakan melalui tiga strategi utama iaitu strategi mengeluarkan mereka dari kemiskinan dan meningkatkan ekonomi golongan asnaf, strategi mengenalpasti potensi asnaf sebelum bergelar usahawan serta strategi penyusunan program-program usahawan yang khusus untuk usahawan asnaf. Secara kesimpulannya, kerjasama diantara umat Islam, Institusi Zakat, pihak kerajaan, pihak swasta serta asnaf itu sendiri amatlah penting bagi memastikan program pembangunan ekonomi usahawan asnaf dapat diperkasakan. Peningkatan dana zakat yang disumbangkan oleh umat Islam, pengurusan dana zakat yang cekap, telus dan efisien oleh institusi zakat, bantuan latihan dan program yang diberikan oleh institusi zakat, pihak kerajaan dan juga swasta serta kesediaan asnaf berubah menjadi usahawan yang berdaya saing akan memastikan objektif mengubah usahawan asnaf kepada "muzaki" akan tercapai. Selain dari itu juga, kemiskinan dapat dibasmi, kesejahteraan hidup umat Islam dan kemakmuran ekonomi Negara akan dapat dinikmati bersama.

STRENGTHENING THE ECONOMIC DEVELOPMENT PROGRAM FOR ASNAF ENTREPRENEURS THROUGH ZAKAT FUNDS

Abstract

Economic development programs among asnaf in Malaysia are supported by Zakat Institutions under the State Islamic Religious Council. The purpose of its establishment is not only to provide contributions to eligible asnaf, but also involved in managing capital assistance using zakat funds for business purposes to asnaf or asnaf entrepreneurs. The capital assistance provided aims to encourage asnaf to come out of the cocoon of poverty and succeed in becoming zakat payers. This asnaf economic development program is actively carried out in Selangor, Federal Territory, Kedah, Negeri Sembilan, Penang and other states. However, there are also State zakat institutions that do not provide for the distribution of zakat in the form of capital assistance to asnaf. Therefore, the objective of this study is to see and identify the strategies and economic development programs provided by the State zakat institutions to the asnaf who venture into the field of entrepreneurship. This study uses a qualitative method in the form of library research through secondary sources. This study concludes that the economic development program of asnaf entrepreneurs can be strengthened through three main strategies, namely strategies to lift them out of poverty and improve the economy of asnaf, strategies to identify potential asnaf before becoming entrepreneurs and strategies for organizing entrepreneurship programs specifically for asnaf entrepreneurs. In conclusion, cooperation between Muslims, Zakat Institutions, the government, the private sector and the asnaf itself is very important to ensure that the economic development program of asnaf entrepreneurs can be strengthened. Increasing zakat funds contributed by Muslims, efficient, transparent and efficient management of zakat funds by zakat institutions, training assistance and programs provided by zakat institutions, the government and the private sector as well as the willingness of asnaf to turn into competitive entrepreneurs will ensure the objective of changing asnaf entrepreneurs to “muzzaki” will be achieved. Apart from that, poverty can be eradicated, the well-being of Muslims and the economic prosperity of the country can be enjoyed together.

Keywords: Zakat Institutions, Economic Development Program, Poverty Eradication, Asnaf Entrepreneur, Zakat

PENDAHULUAN

Keusahawanan merupakan aktiviti penciptaan atau pengekstrakan sesuatu nilai. Dengan definisi ini, keusahawanan dilihat sebagai suatu bentuk transformasi, yang mungkin merangkumi nilai-nilai lain selain daripada sekadar penjanaaan ekonomi semata. Tidak dapat dinafikan aktiviti keusahawanan amat relevan dalam proses perkembangan dan pembangunan ekonomi negara. Walaubagaimanapun, dalam perspektif Islam, selain dari tujuan penjanaaan ekonomi atau keuntungan, aktiviti keusahawanan perlu dijalankan mengikut syariat Islam iaitu dengan memenuhi kehendak dan keperluan persekitaran, mendapat keberkatan, serta keredhaan Allah S.W.T. Dengan berpandukan sistem ekonomi Islam, kerajaan telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan pusat pengurusan dana bagi golongan asnaf melalui Institusi Zakat. Institusi bukan kerajaan ini yang terletak dibawah pentadbiran Majlis Agama Islam di setiap negeri di Malaysia merupakan perantara antara pembayar dan penerima zakat dan berperanan mengutip, menyelia, mengurus dan mengagihkan wang zakat secara efisien kepada semua golongan asnaf di negara ini (Azman, Alias & Syed Mohd, 2012).

Tidak dapat disangkal lagi kewujudan sistem zakat telah banyak membantu merapatkan jurang ekonomi golongan asnaf. Kebanyakan komuniti Islam kini telah sedar akan tanggungjawab untuk membayar zakat yang menjadi kewajipan kepada setiap umat Islam yang berkemampuan. Sebagai contoh, statistik terkini oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) (2021) menunjukkan perbandingan kutipan dan agihan

zakat di sekitar Negeri Selangor selama tiga tahun berturut-turut (2018, 2019 dan 2020) telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Pada tahun 2020, LZS telah mendapat kutipan sebanyak RM913.0 juta dengan jumlah agihan sebanyak RM867.2 juta, berbanding tahun sebelumnya kutipan sebanyak RM855.1 juta pada 2019 dan RM793.7 juta (2018). Peningkatan dana zakat ini memberikan impak yang signifikan kepada pemberian pelbagai bentuk agihan dana zakat kepada lapisan golongan asnaf yang layak. Agihan dana zakat berbentuk sumbangan modal dapat membantu golongan usahawan asnaf. Menurut Khairul Azhar & Ummi Khasidah (2019), kebanyakan pusat zakat telah mewujudkan program bagi membantu golongan asnaf untuk terlibat dalam dunia perniagaan contohnya Program Tunas Usahawan Baitulmal atau "Asnafpreneur". Menerusi program ini para usahawan asnaf akan diberi pendedahan latihan berkaitan perniagaan, keusahawanan dan pemasaran ekonomi digital. Program ini merupakan satu langkah yang wajar dilaksanakan secara berterusan demi kelangsungan komuniti asnaf selain memperkasakan ekonomi golongan tersebut. Program pembangunan ekonomi usahawan asnaf ini akan membolehkan asnaf keluar dari kepompong kemiskinan dan sekaligus meningkatkan pendapatan mereka serta berupaya menjadi pembayar zakat. Walaubagaimanapun, tiada satu model khusus yang dibangunkan untuk dijadikan sebagai rujukan dari segi pelaksanaan strategi dan program keusahawanan yang diaturkan dibawah Institusi zakat dalam memperkasakan ekonomi golongan asnaf didalam perniagaan. Kajian ini akan melihat dan mengenal pasti strategi dan program pembangunan ekonomi asnaf yang dilaksanakan oleh pihak institusi zakat kepada golongan asnaf yang menceburi bidang perniagaan.

KAJIAN LITERATUR

ZAKAT DAN PERANAN ZAKAT

Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga dari lima rukun Islam yang mana Allah SWT mewajibkan hambanya untuk menunaikan zakat bagi setiap muslim yang memenuhi syarat untuk mengeluarkan zakat (Masturi Ilham & Nurhadi, 2008). Kewajipan zakat ini telah ditetapkan oleh Allah SWT didalam Alquran, hadith dan juga ijtimaa ulama. Kewajipan menunaikan zakat ini dinyatakan didalam Al-Quran.

"Dan dirikanlah sembahyang, tunaikanlah zakat dan taatlah kepada rasul supaya kamu diberi rahmat"

(Surah An-Nur, Ayat 56)

Tujuan dan hikmah Allah SWT mensyariatkan zakat adalah untuk mengagihkan sebahagian kecil daripada kekayaan golongan yang berada kepada golongan yang miskin dan memerlukan, serta membersihkan diri pembayar zakat daripada sifat sombong, kedekut dan tamak (Nor Aisyah & Hairunnizam, 2020). Zakat telah memainkan peranan sebagai instrumen agihan ekonomi yang seimbang bagi mengurangkan kadar kemiskinan, meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan, menyediakan kehidupan yang selesa dan sejahtera seterusnya membawa kepada pembentukan negara yang berprestij di masa hadapan (Zarina, Sanep & Mohd Ali, 2012). Menurut Patmawati Ibrahim (2008), zakat merupakan nadi utama dalam membangunkan masyarakat untuk melengkapi keperluan dalam kehidupan. Ia adalah alat atau mekanisme dalam kestabilan ekonomi Islam kerana ia dapat merapatkan jurang di antara golongan yang kaya dan miskin, sekaligus mencapai keadilan sosial ekonomi dalam kalangan masyarakat. Manakala Azhana & Abd Halim (2012), mendapati zakat bukan sahaja memenuhi tuntutan agama, tetapi mempunyai matlamat sosioekonomi, seperti menggalakkan pertumbuhan ekonomi, dan persaingan, memenuhi keperluan hidup serta memastikan pengagihan sumber berlaku secara saksama. Zakat juga berperanan didalam mengukuhkan empat tujuan utama iaitu yang pertama, menyelesaikan masalah kemiskinan. Kedua, membina keadilan sosial. Ketiga, membangunkan masyarakat berdasarkan tolong-menolong, setia kawan dan mahabbah. Keempat, menghakis perasaan benci, dengki dan dendam yang terdapat kepada golongan yang kurang berkeupayaan (Musa Ahmad et al., 2006). Pengagihan zakat ini diwajibkan kepada lapisan golongan asnaf sebagaimana firman Allah SWT dalam surah At-Taubah ayat 60 yang bermaksud:

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datang) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Berdasarkan firman Allah SWT ini, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat lapan golongan asnaf yang berhak menerima zakat. Golongan asnaf ini terdiri dari fakir (miskin), masakin (memerlukan), a'mil (pentadbir zakat), muallaf (orang yang baru memeluk Islam), riqab (orang yang terbelenggu), gharimin (penghutang), fisabilillah (pejuang ke jalan Allah), Ibnu Sabil (Musafir). Agihan zakat yang diuruskan secara cekap dan berkesan akan dapat memastikan dana zakat diagihkan kepada golongan asnaf yang berhak serta mampu menangani masalah kemiskinan (Syarifah Md Yusof et al., 2019).

Di Malaysia, pengurusan dana zakat diletakkan dibawah kuasa Yang Dipertuan Agong bagi Kerajaan Persekutuan atau Negeri yang tidak mempunyai Sultan atau Raja. Bagi Negeri yang mempunyai Sultan atau Raja, kuasa pengurusan dana zakat ini dibawah Sultan atau Raja Negeri itu sendiri. Tanggungjawab menguruskan dana zakat ini di letakkan dibawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di setiap negeri di Malaysia, kecuali Kedah. Pengurusan zakat di Kedah diletakkan dibawah Jabatan Zakat Kedah yang juga dikenali sebagai Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) (Azman, Alias & Syed Mohd, 2012).

USAHAWAN ASNAF

Secara amnya, usahawan asnaf merupakan kelompok asnaf khususnya dalam kumpulan fakir dan miskin yang ingin ditransformasikan daripada asnaf bukan produktif menjadi asnaf produktif menerusi platform keusahawanan. Kelompok ini diberikan bantuan dan bimbingan yang diperlukan bagi membolehkan mereka bergelar usahawan (Sanep, 2012). Manakala Isma Addi (2007), mendapati usahawan asnaf adalah individu yang perlu melalui suatu proses penciptaan usaha niaga bagi memastikan mereka mampu memikul bebanan tanggungjawab sebagai usahawan serta mempunyai keyakinan untuk menyertai bidang perniagaan dengan rangsangan berupa dorongan dan bantuan daripada institusi zakat.

Bantuan modal perniagaan ini merupakan salah satu sokongan kewangan dari dana zakat bertujuan untuk memotivasikan penerima zakat (Noor Fazni & Asmak, 2021). Institusi zakat berperanan didalam memastikan mereka yang miskin mencapai tahap minimum kehidupan mereka. Dengan bantuan modal perniagaan ini, usahawan asnaf akan dapat meningkatkan taraf hidup dan pendapatan mereka serta sekaligus mengeluarkan diri mereka dari kepompong kemiskinan serta menjadi golongan yang sangat produktif. Al Qardhawi (1995) mendapati pemberian dana dalam bentuk bayaran tetap bulanan atau suntikan modal bagi membolehkan asnaf berdikari, dan dapat menjadi salah satu mekanisme pembasmian kemiskinan. Seterusnya, Lily Rahmawati Harahap (2018) melalui kajian keusahawanan Islam di Indonesia mendapati dana zakat yang besar mampu membantu untuk memerangi kemiskinan. Untuk menyokong penggunaan dana zakat ini, penubuhan perniagaan kecil untuk "mustahik" adalah alternatif yang memberikan mereka harapan. Dengan adanya pengurusan yang baik, perniagaan kecil ini dapat berkembang dan menjadi lebih besar. Ianya akan dapat menambahbaik ekonomi "mustahik". Sekiranya pembangunan perniagaan ini berterusan, ianya mampu mentransformasikan "mustahik" menjadi "muzakki".

Oleh sebab itu, institusi zakat mula mengorak langkah dengan melaksanakan program jangka panjang bagi merealisasikan agenda pembasmian kemiskinan kerana isu kemiskinan perlu ditangani secara berterusan dan bukannya pada musim-musim tertentu sahaja. Terdapat dua bentuk bantuan zakat yang disediakan oleh pihak institusi zakat iaitu bantuan produktif dan bantuan bukan produktif. Bantuan produktif merujuk kepada bantuan modal sama ada dalam bentuk wang tunai atau pun peralatan bagi membantu golongan asnaf mengubah kehidupan mereka ke arah yang lebih baik. Bantuan ini biasanya diberikan dalam bentuk jangka panjang. Bantuan bukan produktif pula bersifat jangka pendek bagi membantu asnaf meneruskan kelangsungan hidup mereka dengan memenuhi keperluan asas yang

diperlukan seperti bantuan perubatan, saraan bulanan, makanan, sewa rumah dan lain-lain (Fatimah, 2014).

Bagi Lembaga Zakat Selangor (LZS), program pembangunan ekonomi (PPE) untuk usahawan asnaf dibahagikan kepada program keusahawanan dan program ekonomi berkelompok. Bantuan yang diberikan bagi program keusahawanan adalah pemberian modal awal serta suntikan modal tambahan dengan nilai minimum dan maksimum iaitu RM5000 dan RM50,000. Pemilihan peserta melalui tapisan yang ketat dan hanya asnaf berkelayakan sahaja yang akan dipilih memandangkan bantuan yang diberikan tidak perlu dibayar balik dan bagi mengelak dari berlakunya sebarang penyelewengan dan penyalahgunaan bantuan yang disediakan. Bagi asnaf fakir, miskin dan muallaf yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan seperti jualan kuih dan minuman, had bantuan modal yang diberikan adalah sehingga RM5000. Bagi perniagaan berskala besar seperti restoran, kedai dobi, makanan tradisional, bengkel kenderaan dan sebagainya, had bantuan modal yang ditetapkan adalah sebanyak RM5,000 sehingga RM50,000 (Azman et. al, 2014). Diantara kategori perniagaan yang dibantu adalah pertanian, penternakan kambing dan lembu, perikanan laut dan ikan air tawar, perkhidmatan bengkel kenderaan, spa dan saloon, van sekolah, teksi, tadika/taska, dobi, jahitan, kedai pakaian, pemakanan seperti kedai makan, lori makan bergerak, pengeluaran produk tepung serba guna, cili giling dan kerepek. Peruncitan melibatkan kedai runcit dan pasar rakyat asnaf (Laporan Zakat Selangor, 2013).

Menurut Azman et al., (2014), usahawan asnaf bukan sahaja menerima bantuan modal, malah latihan dan kursus juga disediakan oleh LZS buat peserta program. Ini bagi meningkatkan motivasi diri, keyakinan serta pengetahuan usahawan asnaf dalam bidang keusahawanan. Usahawan asnaf dipantau secara berterusan sehingga mereka berjaya dalam perniagaan yang dijalankan. Bantuan berbentuk modal kewangan dan peralatan yang disediakan telah membolehkan usahawan asnaf meneruskan perniagaan mereka dengan lebih berkesan dan seterusnya memperolehi pulangan modal dan keuntungan yang tinggi (Khairul Azhar & Umami Khasidah, 2019), manakala kajian yang dijalankan oleh Nurmaizura et al., (2019), mendapati kebanyakan usahawan asnaf berasa lebih yakin untuk menjalankan perniagaan dengan adanya bantuan modal perniagaan daripada pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Bantuan modal ini mampu untuk mengeluarkan mereka daripada terus dibelenggu oleh kemiskinan dan dapat menjalani kehidupan normal seperti masyarakat lain. Ianya diharapkan berupaya untuk membantu usahawan asnaf meningkatkan taraf kehidupan mereka di masa akan datang dalam jangka panjang dan seterusnya berjaya mentransformasikan diri mereka dari seorang penerima bantuan modal perniagaan kepada pembayar zakat.

Kadar bantuan modal yang disumbangkan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) pula terhadap golongan usahawan asnaf ini antara RM500.00 sehingga RM20,000.00 dalam bentuk barangan seperti mesin pengadun (mixer), chiller, ketuhar, mesin jahit, enjin bot, mesin gergaji, mesin rumput, peralatan bengkel kereta dan motosikal, khemah, kerusi dan meja, warung burger, dapur roti canai, motosikal roda tiga dan termasuk juga bantuan untuk membina gerai dan bengkel (Abdul Rahman & Talib, 2019). Usaha yang diambil oleh Institusi zakat ini didalam membangunkan usahawan asnaf perlulah dipuji. Bantuan modal dari dana zakat ini menjadi alternatif kepada suntikan modal yang akan memberi manfaat kepada asnaf yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan pinjaman bank bagi memulakan sesuatu perniagaan. Bantuan modal ni bukan sahaja memberi sokongan ekonomi kepada usahawan asnaf, malah dari segi sosial dan motivasi usahawan asnaf. Sebagai tambahan, usaha ini akan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan pemberian bantuan modal, latihan dan peralatan dalam bidang pertanian, perikanan, masakan, dan jahitan. Usaha ini akan dapat mengeluarkan usahawan asnaf dari kemiskinan (Hazlina et al., 2012)

PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI USAHAWAN ASNAF

Kajian yang dilakukan oleh Khairul Azhar & Umami Khasidah (2019), mendapati program ekonomi golongan asnaf oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) berjaya melahirkan kelompok usahawan daripada golongan asnaf dan mereka berjaya mengubah kehidupan mereka menjadi lebih baik serta dapat mengurangkan bilangan asnaf di Selangor umumnya serta di daerah Kuala Selangor khususnya.

Menurut Hairunnizam et al., (2004), artikel berkaitan aspek kutipan zakat seperti kaedah dan bagaimana pengagihan dilakukan telah banyak diterbitkan oleh para ilmuan sebelum ini dan telah menjadi rujukan kepada institusi zakat di Malaysia. Walaubagaimanapun, kajian berkaitan keberkesanan agihan tersebut dalam memberi impak kepada kehidupan golongan asnaf wajar diberi perhatian dari masa ke semasa. Bantuan zakat yang disalurkan seharusnya memberi kesan yang signifikan terhadap kualiti hidup golongan asnaf supaya lebih terjamin.

Nurbani & Abd Halim (2015) dalam kajian mereka mendapati program keusahawanan bergerak “Mobile Business Program” adalah merupakan program yang sangat efektif didalam mentransformasikan asnaf menjadi usahawan dimana kejayaan mereka dapat direalisasikan seawal 3 bulan. Kajian ini juga mendapati kaedah paksaan simpanan yang dijalankan ke atas usahawan asnaf berjaya menjadi salah satu faktor kejayaan program ini. Selain itu, kerjasama diantara agensi luar memainkan peranan penting didalam memastikan kesemua aspek berkaitan projek perniagaan dititikberatkan oleh asnaf yang mempunyai kadar kejayaan yang tinggi. Agensi luar ini menyediakan khidmat nasihat serta sokongan dimana Lembaga Zakat Selangor tidak mempunyai kepakaran.

Institusi zakat perlulah mengambil inisiatif untuk mewujudkan dan mengerakkan perniagaan yang mana asnaf miskin tadi menjadi pemilik perniagaan yang membolehkan peniaga merasai pengalaman memperolehi untung atau rugi didalam perniagaan. Sebagai contoh, pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah mewujudkan satu program diberi nama “Asnafpreneur” bagi membantu golongan B40 di Malaysia yang berminat menceburi bidang perniagaan bagi menaikkan taraf hidup mereka. Program ini membuka peluang kepada golongan asnaf dengan menyuntik modal awal untuk memulakan sesebuah perniagaan dalam pelbagai bidang selain diberi khidmat bimbingan para pegawai SME Corp. Sehingga harini, direkodkan seramai 100 usahawan dari pelbagai negeri di Malaysia telah mengambil peluang dan melibatkan diri dalam perniagaan masing-masing.

Noormariana et al., (2019), mendapati pihak institusi zakat Negeri mengadakan pelbagai program, yang bermatlamatkan agihan zakat kepada asnaf yang layak. Program usahawan asnaf (AEP) adalah program yang bertujuan spesifiknya untuk membantu asnaf yang terlibat didalam perniagaan agar dapat mengeluarkan diri mereka dari kesempitan hidup dan sekaligus mampu menjadi penyumbang zakat. Akauntabiliti didalam pengurusan dana zakat adalah dipacu oleh asas Islam, yang tidak boleh dipisahkan dari pengajaran Islam dan cara hidup. Untuk tujuan ini, sumbangan zakat didalam Model “*Turning Over*” adalah penting, dimana semua umat Islam perlu mematuhi hubungan diantara manusia, Islam dan penyerahan kepada Allah SWT.

Walaupun banyak program keusahawanan asnaf mencapai matlamat untuk membantu usahawan asnaf untuk berjaya dan keluar dari kepompong kemiskinan, masih ada timbul persoalan mengenai keberkesanan kualiti program ini. Zakaria Bahari (2011), dalam kajiannya mendapati punca golongan asnaf zakat tidak dapat keluar daripada dilema kemiskinan adalah kerana asnaf tidak dapat menguasai ilmu-ilmu keusahawanan, kurang pengalaman dan kurang kemahiran serta kreativiti dalam menghasilkan produk yang mempunyai potensi untuk dipasarkan pada masa hadapan. Halangan yang ditempuh oleh pihak zakat adalah kesukaran mendapat komitmen dan sokongan dari golongan asnaf untuk menyertai program pembangunan ekonomi ini. Segelintir mereka lebih selesa menerima bantuan kewangan berkala dalam tempoh pendek dan kurang keyakinan diri dan keinginan untuk keluar dari kepompong kemiskinan (Fatimah Salwa et al., 2014). Menurut Marzuki et al., (2019) pula, terdapat lima aspek utama yang dikenalpasti merupakan punca kepada kegagalan perniagaan usahawan asnaf iaitu umur, motivasi, sikap, “mindset”, dan kawalan dalaman usahawan asnaf. Selain dari itu, Tengku Mohd Azizuddin et al., (2019), mendapati asnaf tidak berjaya merebut peluang yang diberikan oleh institusi zakat untuk menjadikan keusahawanan sebagai mekanisme penjana pendapatan. Pelbagai faktor dari dalam diri usahawan ini yang menyumbang seperti kurang sokongan keluarga, komitmen terhadap anak, pendapatan rendah, kurang bimbingan dan motivasi serta lokasi dan jenis perniagaan yang kurang strategik (Khairul Azhar & Ummi Khasidah, 2019).

Program keusahawanan asnaf menemui beberapa kegagalan disebabkan oleh kekurangan latihan, bimbingan, pengurusan dan pemantauan dari badan yang menyalurkan pembiayaan kepada golongan

asnaf (Zainal et al., 2016). Manakala Abdul Ghafar et al., (2017) mendapati 80% peserta program pembangunan asnaf yang dijalankan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) masih belum mencapai tingkat kepuasan didalam operasi perniagaan mereka. Pelbagai cabaran dan halangan ekoran pelaksanaan program sama ada di pihak institusi zakat mahupun penerima bantuan itu sendiri. Kekurangan staff dikatakan antara punca program ini mendepani cabaran seperti keadaan perniagaan usahawan yang tidak dipantau dari masa ke semasa (Azman et al., 2016). Oleh yang demikian, kerjasama yang erat diantara institusi zakat yang menjadi pengurus dana dan program pembangunan ekonomi asnaf, pihak kerajaan serta swasta yang terlibat menjadi panel penasihat serta asnaf itu sendiri adalah diperlukan bagi menguatkan lagi program pembangunan ekonomi usahawan zakat agar ianya mencapai objektif mengeluarkan asnaf dari kepompong kemiskinan.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini melibatkan kajian kualitatif yang berkaitan dengan kajian perpustakaan. Melalui kaedah teoritikal, kajian perpustakaan dilakukan untuk mengumpul maklumat awal mengenai latarbelakang kajian iaitu meneliti dan mengenalpasti dapatan program pembangunan keusahawanan khususnya program pembangunan ekonomi usahawan asnaf yang diadakan di Institusi Zakat seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS), Majlis Agama Islam dan Adat Terengganu (MAIDAM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) di Malaysia. Sumber sekunder yang dikaji melibatkan kajian terhadap bahan-bahan bercetak seperti buku-buku keusahawanan, artikel ilmiah, jurnal, laporan, hasil penyelidikan, majalah, akhbar serta maklumat daripada laman sesawang rasmi yang berkaitan dengan tajuk kajian.

DAPATAN KAJIAN

Menurut kajian Zakaria Bahari (2011) yang dijalankan keatas asnaf fakir miskin di Pusat Urus Zakat (PUZ) di bawah kelolaan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), program keusahawanan amat perlu diadakan oleh setiap badan institusi zakat di Malaysia. Zakaria Bahari juga membahaskan mengenai keupayaan asnaf bukan sahaja sebagai penerima bantuan dari zakat, malah mampu melihat keupayaan mereka dalam meningkatkan pendapatan melalui jangkaan perubahan paradigma dan peranan oleh golongan asnaf yang mana mampu memangkin kejayaan di dalam perniagaan dan seterusnya menyumbang kepada ekonomi negara secara amnya. Oleh itu, terdapat 3 strategi melalui kajian ini, dalam menjadi keperluan kepada asnaf untuk melibatkan diri dengan pelbagai program latihan keusahawan.

Strategi mengeluarkan mereka dari kemiskinan dan memperkasakan golongan ekonomi golongan asnaf.

Hasrat untuk membantu golongan ini menceburi bidang perniagaan adalah satu strategi yang baik bagi mengeluarkan mereka dari kemiskinan dan juga mengeluarkan mereka dari senarai nama penerima bantuan zakat. Dalam membantu usaha ini, pihak yang terlibat seperti lembaga zakat perlulah menyusun strategi dan juga program-program keusahawanan dalam mencapai objektif. Ini adalah kerana tanpa pelan strategik dan juga program latihan keusahawanan yang signifikan kepada bidang perniagaan amatlah sukar untuk membantu mereka berjaya didalam perniagaan. Oleh itu, keutamaan didalam kajian ini yang cuba penulis ketengahkan adalah mengenalpasti usaha -usaha latihan program keusahawanan oleh pusat zakat dan penglibatan oleh institusi luar yang berkaitan dapat memperkasakan ekonomi golongan ini.

Ciri-ciri potensi diri usahawan seperti berani mengambil risiko, pemikiran kreatif dan inovatif, mencari peluang, berkeyakinan tinggi dan sebagainya (Sanep, 2012) perlu diasah dan diketengahkan dengan pelaksanaan program yang berbentuk lathan praktik. Perangkaan strategi-strategi yang mantap oleh badan berwajib bertujuan mengerakkan perubahan ekonomi masyarakat (Ab. Aziz, 2010). Melalui

program pembangunan ekonomi yang dirangka khusus untuk golongan asnaf berdasarkan pelan strategik yang kukuh mampu menyediakan platform untuk mereka mendapatkan sokongan, bantuan, dorongan dan bimbingan modal, kursus kemahiran daripada institusi zakat negeri.

Strategi mengenalpasti potensi Asnaf sebelum bergelar usahawan.

Terdapat 5 Fasa model Pembangunan Usahawan Asnaf yang perlu dikenalpasti dan dilalui oleh golongan asnaf sebelum bergelar usahawan. Ianya merangkumi

- (1) Fasa Pendedahan: Mendedahkan asnaf dengan peluang dalam aktiviti keusahawanan dan perniagaan yang terbuka luas sebagai pemangkin perubahan struktur sosial ekonomi.
- (2) Fasa Pendidikan: Memberikan mereka golongan asnaf dengan ilmu keusahawanan: kemahiran, sikap, pengetahuan dan mekanisme yang berkesan didalam perniagaan.
- (3) Fasa Pelaksanaan: Pemberian bantuan modal yang merupakan mekanisme penting dalam mengusahakan perniagaan dan menjana ekonomi mereka.
- (4) Fasa Pemasaran: Fasa yang penting untuk memastikan mampu menghasilkan dan memasarkan produk mereka ke pasaran yang lebih besar dan luas.
- (5) Fasa Pemantauan: Usaha ini sangat ditekankan oleh badan zakat dalam memastikan golongan asnaf ini berjaya menjadi usahawan berjaya dan dapat melahirkan lebih ramai usahawan yang berjaya dikalangan mereka di masa hadapan.

Dengan itu, kajian ini menjadikan Model Pembangunan Usahawan Asnaf sebagai penanda aras untuk membentuk model program keusahawanan yang produktif dan khusus, mampan dan signifikan serta mampu berjaya dengan hasil kerjasama, peranan dan usaha dari pihak badan zakat, institusi luar dan masyarakat dalam membimbing golongan asnaf ini dalam memastikan kejayaan mereka untuk keluar dari kemiskinan melalui program - program pembangunan usahawan yang akan direncanakan kelak. Penting juga kepada pihak zakat dalam mengenal pasti golongan asnaf yang berpotensi didalam bidang perniagaan untuk dibawa ke hadapan. Ini adalah kerana tidak semua golongan ini berpotensi untuk mengusahakan perniagaan mereka kerana mempunyai ciri- ciri individu yang berbeza.

Melalui dapatan lepas, masih belum wujudnya model pembangunan Program Keusahawanan Asnaf yang produktif dan khusus. Menurut kajian oleh Azman et al., (2014), kerangka model yang digariskan dan dicadangkan boleh digunapakai oleh pihak Lembaga Zakat untuk menjalankan program-program keusahawanan yang dirancang. Kerangka awal ini mempunyai empat bahagian utama dan sepuluh bahagian pecahan.

Pertama: Keinginan untuk menjadi usahawan dengan mengenal pasti bakat dan potensi diri usahawan asnaf dan unit motivasi muslimpreneur. Ianya diletakkan di bawah unit motivasi yang mana latihannya mengambil masa selama 3 hari 2 malam.


Kedua: Pembangunan idea perniagaan. Fasa ini mendidik para usahawan asnaf untuk membangunkan idea perniagaan sendiri dengan mengenalpasti peluang perniagaan, menvalidasi idea dan kanvas model perniagaan. Tiga bulan masa matang diperlukan.

Ketiga: Idea kepada perniagaan. Unit yang memulakan perniagaan, unit kewangan dan unit pembiayaan akan mendidik usahawan asnaf dari idea perniagaan sehingga pembiayaan. Ia juga mengambil masa 3 bulan.

Keempat: Pengurusan dan pengembangan perniagaan. Unit “diagnosis” dan unit “business coaching” memainkan peranan disini. Pemantauan keatas usahawan asnaf dengan mengenal pasti masalah yang timbul dan memberikan cadangan penyelesaian. Dipantau sehingga masa perniagaan matang iaitu anggaran sehingga 3 tahun perniagaan.

Rajah 1 menunjukkan kerangka model pembangunan ekonomi usahawan asnaf berdasarkan kajian yang dilakukan oleh kumpulan penyelidik seperti Azman Ab Rahman pada tahun 2014.

Rajah 1: Kerangka Awal Model Pembangunan Usahawan Asnaf



Sumber: Azman Ab Rahman et al. (2014)

Penyusunan program-program usahawan yang khusus untuk golongan asnaf menceburi perniagaan mengikut Kerangka model produktif pembangunan ekonomi usahawan asnaf.

Program - program yang bersesuaian khususnya untuk golongan asnaf agar mereka dapat menguasai ilmu-ilmu kemahiran, kreativiti, keusahawanan serta diberi pendedahan dengan pengalaman perniagaan sebenar oleh usahawan yang telah berjaya kerana salah satu objektif oleh Lembaga zakat ialah menangani dan membasmi kemiskinan, dan membangunkan sosioekonomi ummah. Pihak lembaga zakat berusaha untuk menjadikan golongan asnaf yang berpontensi untuk menjadi usahawan di awal perniagaan dan membimbing mereka mengembangkan perniagaan sehingga berjaya. Menurut Syaifullah (2013), usahawan asnaf diberikan bantuan ilmu panduan dan bimbingan seperti asas-asas keusahawanan, asas-asas penyediaan penyata kewangan, pengoperasian, pemasaran perniagaan serta mendedahkan mereka dengan peluang-peluang perniagaan yang ada. Oleh itu, kajian ini cuba merangka model program keusahawanan yang komprehensif dalam memastikan mereka diberi bimbingan perniagaan sehingga mereka berjaya.

i. Program berbentuk ilmu pengetahuan ini amatlah penting kepada golongan asnaf yang mana dalam usaha membantu menambahkan ilmu pengetahuan asnaf tentang dunia perniagaan dan di berikan pendedahan pratikal secara konsisten oleh pihak Lembaga Zakat dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan pelbagai program dan latihan keusahawanan. Turut serta penglibatan agensi luar yang berpengalaman sama-sama berganding bahu bersama pusat zakat menganjurkan program-program perniagaan untuk golongan asnaf. Ini menunjukkan program - program latihan keusahawanan telah berkembang luas dan signifikan dalam melahirkan dan memperluaskan bidang keusahawanan kepada golongan asnaf dalam memastikan golongan ini kembali aktif bertukar kepada pembayar zakat pula (Muda, 2014).

Sebagai contoh, syarikat Teras Sdn Bhd, syarikat milik penuh MAIS bertanggungjawab keatas program pembangunan ekonomi untuk asnaf fakir dan miskin di Selangor. Strategi utama mereka adalah memastikan bantuan perniagaan yang diberikan dapat mengeluarkan usahawan asnaf dari kemiskinan melalui bantuan kewangan, peralatan dan bimbingan dari program- program keusahawanan. Strategi yang dijalankan oleh TERAS adalah menyediakan dan mengendalikan kursus dan latihan bagi

menambah kemahiran kearah meningkatkan pendapatan asnaf. Diantara tujuan latihan dan program yang diberikan adalah untuk mengembangkan pengetahuan mereka didalam perniagaan merangkumi aspek teori seperti:

- (i) Kursus Pra Modal – kursus pra kelulusan bantuan modal
- (ii) Kursus Asas Keusahawanan dan Latihan kemahiran - kursus pengurusan perniagaan, kursus pemasaran perniagaan, kursus pengendalian operasi dan kursus kewangan (Sayifullah Masiron, Temubual, 1 Julai 2013).
- (iii) Kursus Lanjutan.
- (iv) Kursus yang berbentuk kerohanian juga diberikan agar dapat meningkatkan jati diri dan keperibadian yang tinggi dikalangan mereka seperti kursus motivasi diri, kursus kehidupan, keislaman dan ketuhanan.

ii- Program pembangunan ekonomi: Menurut laporan Pengurusan Zakat Selangor (2012) dan (2013), terdapat program pembangunan ekonomi yang mana strategi yang digunakan oleh LZS adalah untuk mencapai hasrat mentransformasikan zakat sara diri kepada zakat produktif. Disamping itu, Lembaga Zakat juga menubuhkan Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat (KUAZ) yang dianggotai oleh penerima bantuan modal asnaf. Ianya ditubuhkan dengan matlamat dan strategi memantau dan menjaga kepentingan ahli di samping membantu mempromosi serta menjenamakan produk keluaran asnaf tersebut (Makhtar, 2007).

iii- Program pembangunan usahawan: Program pembangunan usahawan juga ditubuhkan untuk bertindak memantau bantuan yang telah diberikan kepada golongan asnaf secara berkala dan sistematik bagi mengelakkan perkara-perkara salah guna berlaku dikalangan mereka. Terdapat pemantau dikalangan kakitangan Lembaga zakat yang akan bertanggungjawab keatas tugas ini. Secara keseluruhannya, Lembaga Zakat menganjurkan empat program iaitu program pembangunan sosial, program pembangunan pendidikan, program pembangunan kebajikan dan dakwah, program pembangunan ekonomi dan program pembangunan usahawan.

Keseluruhannya, program yang dekat dengan pembangunan usahawan asnaf secara khususnya adalah pembangunan ekonomi, program pembangunan usahawan dan program pendidikan bertujuan memberi peluang kepada asnaf yang proaktif, berminat dan berkelayakan untuk menaikkan taraf hidup dengan menjana pendapatan melalui bidang perniagaan atau keusahawanan. Bantuan ini dilihat mampu memberi impak dalam mengeluarkan mereka daripada masalah kemiskinan.

Umumnya, Program Pembangunan Ekonomi (PPE) diwujudkan untuk mengagihkan zakat secara produktif dengan berperanan memberi modal awal, pembelian aset tetap, sewaan premis untuk mereka memulakan perniagaan. Golongan ini juga diberikan bimbingan dan pemantauan secara berterusan sehingga berjaya (Azman et al., 2014). Tambahan pula, medium perbincangan dan pertukaran maklumat sesama usahawan dibuat agar dapat menongkah arus perniagaan secara berkelompok.

Program-program juga bukan sahaja diwujudkan oleh pihak Lembaga Zakat semata, malah pelbagai pihak luar yang bertanggungjawab seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Institut Latihan Islam (ILIM), Baitulmal, Lembaga Pertubuhan Ladang, FAMA, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan lain-lain lagi dalam usaha mempelbagaikan ilmu, kemahiran dan sokongan kepada golongan ini.

Selain itu, Program Tunas Usahawan Baitulmal (TUB) juga telah diwujudkan dengan kerjasama antara MAIWP, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui SME Corporation Malaysia (SME Corp) (BH Online, 2020). Program TUB ini dirangka bagi membantu menaik taraf kehidupan golongan B40 dan asnaf melalui aktiviti keusahawanan yang mampu menjana pendapatan jangka panjang serta membina daya tahan dan jati diri dalam menjalankan perniagaan. Program yang telah bermula pada tahun 2019 ini juga telah melatih seramai 84 usahawan asnaf dan berjaya menjana nilai jualan terkumpul sebanyak RM1.32 juta. Objektif program ini diwujudkan adalah untuk mengubah pandangan masyarakat terhadap normalisasi golongan penerima bantuan. Paradigma baru disuntik

melalui proses transformasi ini untuk mengubah aturan daripada penerima zakat kepada pembayar zakat apabila kedudukan taraf ekonomi mereka kukuh kelak. Ia bertujuan untuk memastikan setiap asnaf mampu berdikari seterusnya membina potensi diri untuk keluar daripada belenggu kemiskinan.

Kolaborasi yang kukuh dapat membentuk kerangka awal model program produktif pembangunan ekonomi usahawan asnaf seperti diatas yang bertepatan untuk dipakai dan diaplikasi pada masa akan datang. Ini kerana Lembaga Zakat tidak mempunyai kepakaran-kepakaran didalam menguruskan perniagaan usahawan asnaf ini (Nurul Hidayah et al., 2014). Oleh itu, penglibatan dari pihak luar dapat mengatasi masalah kekurangan pegawai zakat yang tidak berpengalaman dan tidak pakar dalam membimbing usahawan asnaf ini. Penglibatan pihak konsultan luar yang mempunyai kepakaran didalam latihan kemahiran dan pengurusan perniagaan akan turut membantu merealisasikan program ini agar terus berjaya dan mampu membantu mempertingkatkan kredibiliti perniagaan yang diusahakan mereka.

Respon oleh usahawan asnaf melalui program yang dianjurkan oleh pihak zakat sedikit sebanyak dapat membantu mereka berjaya dalam perniagaan. Kemudahan platform ini mampu mengeluarkan usahawan ini dari belenggu kemiskinan dan bukan lagi disenaraikan sebagai penerima zakat malah bertukar kepada pembayar zakat dan secara tidak langsung meningkatkan taraf kehidupan mereka. Dapatan dari kajian lepas merumuskan bahawa program pembangunan ekonomi yang diusahakan oleh pihak zakat dan pihak luar adalah usaha yang perlu dipuji untuk melahirkan dan mentransformasikan usahawan asnaf ini untuk lebih berjaya. Program pembangunan ekonomi yang dijalankan berjaya melahirkan usahawan asnaf mengikut objektif yang ditetapkan. Akan datang, usaha memantapkan lagi program pembangunan ekonomi yang dianjurkan perlu diperluaskan ke semua lapisan asnaf. Disamping itu, golongan asnaf juga perlu merebut peluang ini dan memanfaatkan program pembangunan ekonomi oleh pihak zakat dan institusi luar dalam mengubah taraf kehidupan mereka kepada yang lebih baik.

KESIMPULAN

Oleh yang demikian, diharapkan dengan adanya pelbagai model bantuan yang dibincangkan akan dapat memberi input kepada institusi zakat agar program pembangunan ekonomi usahawan asnaf ini akan dapat diperkasakan dan sekaligus dapat meningkatkan jumlah usahawan dikalangan asnaf. Umat Islam juga dapat menyempurnakan kewajipan mereka untuk menunaikan zakat serta sekaligus dapat membantu institusi zakat untuk menambahkan dana bagi tujuan pembangunan asnaf agar mereka dapat keluar dari kepompong kemiskinan dan berjaya mengubah diri menjadi penyumbang zakat. Kerjasama diantara masyarakat Islam, Institusi Zakat, agensi kerajaan dan swasta serta asnaf itu sendiri amatlah diperlukan untuk menjayakan diri mereka dalam bidang keusahawan atau perniagaan. Program pembangunan ekonomi usahawan asnaf yang diuruskan secara efisien akan memberikan manfaat kepada golongan asnaf meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan hidup golongan asnaf. Justeru itu, kemakmuran ekonomi negara yang mampan dapat dicapai yang mana ia merupakan satu tuntutan Agama.

RUJUKAN

Al-Quran Al Karim

- Ab. Rahman, A., Ali Basah, M. Y., Nooh, M. N., Abdullah, M., Mohd Fauzi, A. A., & Abu Bakar, M. F. (2018). Program Usahawan Bagi Memperkasakan Ekonomi Golongan Asnaf: Pemantauan daripada Aplikasi Myema. *Journal of Fatwa Management and Research*, 7(1), 57-74. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol7no1.59>.
- Ab. Rahman, A., Alias, M. H., Nooh., & Omar, S. M. N. S. (2012). Zakat institution in Malaysia Problems and Issues. *Global Journal Al-Thaqafah*, June 2012, Vol 2, Issue 1.
- Ab. Rahman, A., Ali Basah, M. Y., Abdullah, M., Nooh, M. N., & Mohd Fauzi, A. A., (2014). Keberkesanan Program Usahawan Asnaf oleh Institusi Zakat dalam Menginterpretasikan

-
- Keharmonian Ummah, Prosiding, *International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*, 500-509.
- Ab. Rahman, A., Ali Basah, M. Y., Nooh, M. N., Abdullah, M., Mohd Fauzi, A. A., & Abu Bakar, M. F. (2014). Memformulasi Model Produktif Pembangunan Program Usahawan bagi Memperkasakan Ekonomi Golongan Asnaf, (Prosiding, *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9*, 191-198.
- Ahmad, S. (2012), Membangun Keusahawanan Asnaf: Analisis Konsep Model Pemindahan Teknologi, (Prosiding, *Persidangan Kebangsaan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-VII*).
- Bahari, Z. (2011). Transformasi Fakir Miskin daripada Penerima Zakat Saradiri kepada Penerima Produktif dlm Salleh, M.S. et. Al (eds), *Transformasi Zakat: Daripada Zakat Saradiri kepada Zakat Produktif*, Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, 2011, 331-364.
- Balwi, M.A.W & Halim, A.H. (2008). Mobilisasi Zakat Dalam Pewujudan Usahawan Asnaf: Satu Tinjauan. *Jurnal Syariah*, Jil. 16, Keluaran Khas (2008). 567-584. *Shariah Journal*, Vol. 16, Special Edition (2008).
- BH Online. (17 Disember, 2020). COVID-19: Pelbagai bantuan, latihan disediakan kepada usahawan terjejas perniagaan. Retrieved from: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/12/766176/covid-19-pelbagai-bantuan-latihan-disediakan-kepada-usahawan-terjejas>
- Abd Hadi, F. S., Mahjom, N., & Ismail, Z. (2014). Prestasi Bukan Kewangan dan Persepsi Usahawan Asnaf Zakat Terhadap Program Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat Produktif. Prosiding, *International Conference on Masjid*.
- Abdul Halim, Azlina., Said, Jamaliah., & Syed Yusuf, S. N. (2012). Individual Characteristics of the Successful Asnaf Entrepreneurs: Opportunities and Solutions for Zakat Organization in Malaysia. *International Business and Management*. Vol. 4, No. 2, 2012, 41-49. DOI:10.3968/j.ibm.1923842820120402.1040.
- Al-Qardawi, Yusof (1993), *Fiqh al-Zakat*, Beirut: Muassasas al-Risalah.
- Ghafar M, Zakaria Z, Yusoff R, Kamaludin M & Ghani A. (2017), Model Pembangunan Asnaf MAIDAM (PUASMA), *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017*.
- Hairunnizam, W., Sanep, A., & Mohd Ali, M. N. (2004). Kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup: Kajian kes asnaf fakir dan miskin. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 1(1), 151-166.
- Harahap, L. R. (2019). Zakat fund as The Starting Point of Entrepreneurship in Order to Alleviate Poverty (SDGs Issue), *Global Review of Islamic Economics and Business*, Vol 6, No. 1, 063-074.
- Harun, N. F., & Ab Rahman, A. (2021). Zakat Distribution for The Purpose of Capital Assistance at Zakat Institutions in Malaysia: An Exploratory Study. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol 6, Issues 1, 298 - 306. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.630>
- Hasan Adali, N. A., & Wahid, H. (2020). Peranan Pusat Zakat dalam Membantu Pendapatan Golongan B40 semasa Perintah Kawalan Pergerakan COVID19.
- Ibrahim, P. (2008). Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal. *Jurnal Syariah*, 16 (2). 1-23.
- Ismail, A: Hussin, M.N & Hamed, A.B (2019). Strategi Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (Teras) Sebagai Pemangkin Kejayaan Usahawan Asnaf Di Selangor Strategy of Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd
-

-
- (Teras) As A Catalyst for The Successful of Asnaf Entrepreneur in Selangor. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*. Volume: 2 Issues: 1, 145-156.
- Isma Addi (2007) Didalam Utusan Malaysia. "Usahawan Asnaf Basmi Miskin Tegar", 22 Mei 2007.
- Kadri, Z., & Ahmad, S., & Mohd Nor, M. A. (2012) "Zakat sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi", (Prosiding, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Jilid 2: 1263-1273.
- Lembaga Zakat Selangor (2015), Program Pembangunan Ekonomi (Lembaga Zakat Selangor).
- Lembaga Zakat Selangor Pelbagai Tahun (2013, 2021).
- Marzuki, N., Zulkifli, S. & Wahid, H. (2019). Pengukuran kejayaan bantuan modal perniagaan usahawan asnaf dalam konteks pencapaian maqāsid al-sharī'ah:kajian di daerah kuala terengganu dan Kuala Nerus, Terengganu, *Jurnal Syariah*, Jil. 27, Bil. 2.201-232.doi.org/10.22452/https://doi.org/10.22452/js.vol27no2.1
- Masturi Ilham, N. (2008) Fikh Sunnah Wanita, Jakarta: Pustaka Al-kautsar, 255.
- Meerangani, K.A., & Azman, U. K. Z. (2019). Transformasi Usahawan Asnaf Menerusi Program Pembangunan ekonomi, Lembaga Zakat Selangor, *Journal Ilmi*, Jilid 9, 15-29.
- Meerangani, K. A. (2019). The Effectiveness of Zakat in Developing Muslims in Malaysia. *Insaniyat: Journal of Islam and Humanities*, 3(2), 127-138. <https://doi.org/10.15408/insaniyat.v3i2.11315>
- Meerangani, K. A & Zaham Azman, U. K. (2019). Keberkesanan program pembangunan ekonomi asnaf oleh Lembaga Zakat Selangor. *e-Academia Journal*, [S.l.], v. 8, n. 2, nov. 2019. ISSN 2289-6589. Available at: <<https://myjms.mohe.gov.my/index.php/JeA/article/view/7380>>.
- Md Hassan, N., & Mohd Noor, A. H. (2015), Do Capital Assistance Programs by Zakat Institutions Help the Poor? *Procedia Economics and Finance*, Volume 31, 2015, 551-562. [doi.org/10.1016/S2212-5671\(15\)01201-0](https://doi.org/10.1016/S2212-5671(15)01201-0).
- Md Yusof, S., Md Tahir, R., & Othman, A. (2019). Pengurusan Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir Dan Miskin. *Proceedings of International Conference on Zakat, Tax, Waqf and Economic Development (ZAWED)*, 149-160.
- Mohd Din, N. Mohd Rosdi, M. S., Ismail, M., Muhammad, M. Z., & Mukhtar, D. (2019), Contributions of Asnaf Entrepreneurs in Zakat of Business: A Revisiting Based on Turning Over Model, *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 9(9), 744-752. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v9-i9/6366>
- Muda, N. S. (2014). Keberkesanan Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir Dan Miskin: Kajian Kes Bantuan Jayadiri, Jabatan Zakat Negeri Kedah. Universiti Sains Malaysia.
- Nurul Hidayah Mansor, S. Salahuddin Suyurno & Norjila Che Man, (2014), Pemeriksaan Agihan Zakat Sebagai Medium Pembangunan Masyarakat Islam, Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective Disunting oleh: Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar. © Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor.
- Othman, A., & Mohd Noor, Abd Halim. (2012). Role of Zakat in Minimizing Economic Inequalities among Muslim: A Preliminary Study on Non Recipients of Zakat Fund (NRZF). 3rd *International Conference of Business and Economic Research*: 1209-22.
- Talib, A.R & Hasan, A. (2019). Keberkesanan Latihan TVET dan Bantuan Modal Peralatan Kepada Golongan Asnaf. *Jurnal Dunia Pengurusan*. Vol 1. No 1, 10-17.
- Tuan Mahmood, T. M. A., Mohd Din, N., Al Mamun, A., & Ibrahim, M. D., (2020). Cadangan Kerangka Kerja Konseptual Program Memperkasakan Ekonomi Asnaf: Pembangunan 'Model
-

Kemajadian Milenia Asnaf (MKMA)'. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, Vol.1, No. 1, 74-92.

Zainal, H., Abu Bakar, A., & Saad, R. A. J. (2016). Reputation, satisfaction of zakat distribution and service quality as determinant of stakeholder trust in zakat institutions. *International Journal of Economics and Financial Issues*, 6 (Special Issue), 72–76.